

ANTARA

XXXXXX

- PLAINTIF

DENGAN

XXXXXX

- DEFENDAN

[Mahkamah Tinggi Syariah Melaka (YAA Datuk Mahammad Bin Ibrahim , Ketua Hakim Syarie)

*Undang-Undang Mahkamah Syariah-Menarik balik Hibbah-Bidangkuasa
Mahkamah Tinggi Syariah- Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama
Islam Negeri Melaka 2002-Penarikan Balik Hibbah oleh bapa daripada
anak-Element qabad bagi hibbah dipenuhi-Akta Tanah Berkelompok
1950-Pembahagian tanah felda kepada dua orang.*

Fakta Kes:

Dalam kes ini Plaintiff adalah bapa kepada Defendan. Manakala Defendan

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

adalah anak sulung kepada Plaintiff. Plaintiff telah menghibahkan tiga lot tanah Felda di Mukim Selandar, Jasin Melaka secara balasan kasih sayang kepada Defendan. Lot-lot tanah Felda adalah seperti berikut: Lot 1138 PM 276, Lot 1057 PM 272 dan Lot 1323 PM 282. Penukaran nama ke atas Defendan telah dibuat pada 29 November 2002 melalui Borang 14A.

Pada tahun 2007 Plaintiff telah menyedari bahawa pemberiannya itu adalah tidak adil, memandangkan Plaintiff mempunyai 4 orang anak lagi yang masih hidup. Oleh itu Plaintiff telah bertekad untuk membuat permohonan ke Mahkamah Syariah Melaka untuk menarik balik pemberian Hibah yang telah diberikan. Tujuannya ialah untuk memberikan harta itu kepada empat orang anaknya secara adil dan saksama selagi ia masih hidup.

Diputuskan

1. Mahkamah mengsabiti dan mengistiharkan bahawa Plaintiff berhak menarik balik dan membatalkan hibah terhadap harta yang diberikan kepada Defendan di tiga (3) lot tanah Felda yang dikenali sebagai Pajakan Mukim 276 Lot 1138; Pajakan Mukim 272 Lot 1057, dan Pajakan Mukim 282 Lot 1323 di mana

kesemuanya di Mukim Selandar, Jasin, Melaka pada 17.1.2003 (selepas ini dirujuk sebagai “ ***ketiga-tiga tanah felda tersebut***”);

2. Mahkamah perintahkan ketiga-tiga tanah felda tersebut hendaklah diletakhak nama kembali kepada Plaintiff dan Mahkamah perintahkan Defendan untuk menyerahkan kesemua geran ketiga-tiga tanah felda tersebut kepada Plaintiff untuk urusan perletakan hak nama kepada Plaintiff;
3. Mahkamah perintahkan Pentadbir Tanah Jasin, Melaka untuk mendaftarkan dan memindahmilik ketiga-tiga tanah felda tersebut kepada Plaintiff;
4. Mahkamah perintahkan Pentadbir Tanah Jasin, Melaka untuk membatalkan Kaveat Persendirian yang telah dimasuki oleh Plaintiff pada 6.2.2007 di atas Kaveat No. Perserahan 110/2007 ke atas ketiga-tiga tanah felda tersebut;
5. Mahkamah perintahkan Pentadbir Tanah Jasin, Melaka untuk membatalkan Kaveat Persendirian yang telah dimasuki oleh

XXXXXX pada 4.1.2012 di atas Kaveat No. Perserahan 2/2012 ke atas ketiga-tiga tanah felda tersebut;

6. Mahkamah perintahkan Plaintiff hendaklah membahagikan hasil ketiga-tiga tanah felda tersebut kepada kesemua anak-anak yang bernama seperti berikut:-

- a) XXXXXX (No. K/P: 49XXXX-04-XXXX);
- b) XXXXXX (NO. K/P: 50XXXX-04-XXXX);
- c) XXXXXX (No. K/P: 55XXXX-04-XXXX);
- d) XXXXXX (NO. K/P: 58XXXX-04-XXXX);dan
- e) XXXXXX (NO. K/P: 53XXXX-04-XXXX).

dengan cara adil dan saksama;

7. Mahkamah perintahkan Plaintiff hendaklah membayar kos urusan pendaftaran hibah ketiga-tiga tanah felda tersebut yang telah dibuat pada 17.1.2003 kepada Defendan ;

8. Mahkamah perintahkan Plaintiff hendaklah membayar cukai-cukai yang telah dibayar oleh pihak Defendan selepas ketiga-tiga tanah felda tersebut dipindahmilik kepada Defendan pada 17.1.2003;

9. Kos ditanggung oleh pihak-pihak; dan

10. Perintah ini berkuatkuasa serta merta.

Peguam Syarie

Plaintif : En. Adli Bin Ithnin daripada Tetuan Adli & Co.
Defendan : Tuan Hj Mohd Mohtar Bin Hj Karim daripada Tetuan Mohtar & Co.

Kitab-Kitab Yang Dirujuk

1. Kitab Fiqh al-Kitab wa as-Sunah” karangan Dr Amir Abdul Aziz, hlm. 1612 jld 3 cetakan Dar as-Salam Mesir.
2. Kitab “Bidayatul al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid” hlm 333 jld 2
3. Kitab “Fiqh al-Kitab wa as-Sunnah” karangan Dr. Amir Abdul Aziz, hlm. 1616 jld.3 cetakan Dar as-Salam Mesir.
4. kitab al-Mu’amalat al-Maliyah al-Ma’asarah oleh Dr. Wahbah Al-Zuhaily.
5. Konsep Harta menurut Islam, Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia oleh Ahmad Mohamed Ibrahim, IKIM.
6. Dr. Syaiyyid Ahmad Amir didalam kitabnya عقد البيع في الفقه الإسلامي hlm. 195.
7. Kitab ‘al-Feqh al-Manhaji hlm. 16, Jld.3.
8. Kitab Buyuu’ As-Syaii’ah (البيوع الشائعة) karangan Dr. Taufiq Ramadhan al-Butty, hlm. 75.

Undang-Undang Yang Dirujuk

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002, Seksyen 49.
2. Kanun Tanah Negara, Seksyen 340 (4) (b), Seksyen 421A , Seksyen 417 (1) (2)
3. Pekeliling 2/2003 dan Pekeliling 1/2004 Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
4. Akta Tanah Berkelompok 1960, Seksyen 14(2), dan Seksyen 15 (2B)

Kes-kes yang dirujuk

1. XXXXXX lwn XXXXXX JH 11 /2 halaman 219
2. XXXXXX dan XXXXXX dan XXXXXX (sebagai wakil sah kepada XXXXXX) lwn XXXXXX dan XXXXXX
3. XXXXXX lwn XXXXXX [1991] 1 AMR 105)
4. Re XXXXXX v XXXXXX [1982] 2 MLJ 264

Alasan Penghakiman Oleh Y.A.A Datuk Muhammad bin Ibrahim Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka

1. Ini adalah satu permohonan Plaintiff untuk menarik balik Hibahan yang telah dibuat kepada Defendan. Pemberian hibahan 3 lot tanah Felda di Mukim Selandar, Jasin iaitu seperti berikut :-

Lot 1138 PM 276, Lot 1057 PM 272 dan Lot 1323 PM 282

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Pemberian Hibahan ini telah dibuat pada tahun 2002 secara balasan kasih sayang melalui Borang 14A.

2. Oleh kerana timbul kesedaran daripada pihak Plaintiff bahawa pemberian yang diberikan kepada Defendan adalah tidak adil, maka Plaintiff bertindak untuk menarik balik kesemua pemberian yang telah beliau berikan. Beliau berhasrat untuk membahagikan 3 lot tanah Felda kepada kesemua anak-anaknya secara adil dan saksama. Untuk melaksanakan tujuan itu, beliau bertindak mengkavetkan kesemua tanah tersebut di Pejabat Tanah Jasin, Melaka supaya tanah tersebut tidak berpindah kepada tangan orang lain.
3. Tiga (3) lot tanah Felda yang dihibahkan telah ditukar kepada nama Defendan. Nama Defendan masih lagi tertera didalam ketiga-tiga geran tanah itu. Tanah-tanah masih lagi tidak dijual atau digadai atau dihibahkan kepada mana-mana pihak.
4. Di dalam kes ini Plaintiff dan Defendan telah memberikan keterangan secara lisan. Semasa perbicaraan Plaintiff telah mengemukakan dua orang saksi Plaintiff iaitu seperti berikut:-

- i) XXXXXX (Pegawai Felda)
- ii) XXXXXX (Ketua Kampung)

Manakala Defendan tidak mengemukakan sebarang saksi ketika perbicaraan.

5. Didalam keterangan-keterangan yang diberikan timbul beberapa persoalan isu yang telah dibangkitkan oleh kedua belah pihak di mana isu-isu adalah seperti berikut:-

Isu Pertama: Samada seorang bapa boleh menarik balik pemberian Hibah yang telah diberikan kepada anaknya;

Isu Kedua: Samada Hibahan itu telah memenuhi kehendak rukun dan syarat hibbah atau memenuhi syarat qabad dan isu pertikaian mengenainya;

Isu Ketiga: Samada Undang-undang Kanun Tanah Negara/ Akta Tanah Berkelompok 1960 membenarkan pertukaran semula terhadap tanah yang dipindahkan kepada Defendan.

Isu Pertama:

Samada seorang bapa berkecayakan menarik Hibah yang diberikan kepada anaknya.

1. Dalam kes ini saya dapati Plaintiff adalah bapa kandung kepada Defendan. Manakala Defendan adalah anak sulung kepada Plaintiff. Plaintiff telah membuat Hibahan ke atas tiga (3) lot tanah Felda Mukim Selandar kepada Defendan secara pemberian kasih sayang melalui Borang 14A. Plaintiff telah membuat permohonan untuk menarik balik pemberian Hibah sepertimana didalam permohonan. Manakala Defendan telah mempertikaikan permohonan Plaintiff untuk menarik balik Hibahan yang telah diberikan. Defendan telah memberi alasan bahawa pemberian Hibah itu adalah sah disisi undang-undang. Namum begitu pihak Plaintiff ingin juga meneruskan penarikan balik Hibah yang telah dibuat kepada anaknya. Timbul persoalan disini adakah bapa boleh menarik balik pemberian Hibah itu kepada anaknya, setelah harta tersebut telah bertukar tangan dan telah menjadi hakmilik anaknya.

2. Mengikut kitab "Fiqh al-Kitab wa as-Sunah" karangan Dr Amir Abdul Aziz, hlm. 1612 jld 3 cetakan Dar as-Salam Mesir ada menyebut:

Menurut Mazhab as-Syafei, al-Maliki, al-Zohiriyyah berpendapat bahawa Hibah yang telah sempurna akadnya adalah merupakan pemilikan yang sepenuhnya. Maka tidak harus menarik balik Hibah melainkan Hibah bapa kepada anaknya.

Ini berdasarkan sepotong hadis Nabi s.a.w:

عن عبد الله بن عمر عن النبي صلى الله عليه وسلم قال:
لا يحل لأحد أن يعطي عطية فيرجع فيها الأولاد فيما يعطي ولده

Diriwayatkan daripada Abdullah ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

"Tidak halal bagi seseorang lelaki yang telah memberi satu pemberian, kemudian meminta kembali kecuali bapa meminta semula apa yang telah diberikan kepada anaknya".

Riwayat Imam al-Timizi

3. Hadis di atas menurut pandangan Imam Ibnu al-Rusd di dalam kitabnya "Bidayatul al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid" hlm 333 jld 2 ialah:

ومن جهة المعنى: فإن الأب كالأم , بجامع أن منهما أحد أبوين , فإذا جاز للأب الرجوع فينبغي أن تكون كذلك الأم, لعدم الفارق

Dari sudut kefahaman hadis di atas ialah:

"Sesungguhnya maksud "bapa" di dalam hadis adalah termasuk juga "ibu", kerana kedua-duanya adalah dikira salah seorang daripada ibu bapa. Apabila bapa harus menarik balik pemberian yang diberikan kepada anaknya maka ibu juga berhak menarik balik pemberian tersebut, ini adalah disebabkan tidak terdapat sebarang perbezaan antara keduanya sebagai ibu bapa kepada anak.

4. Keharusan penarikan balik Hibah yang telah diberikan bapa kepada anaknya menurut pandangan Dr. Amir bin Abdul Aziz ialah:

وذلك لانتفاء التهمة في هبة الوالد لولده لما طبع عليه (الولد) من ايثاره على نفسه, فيخزم بأنه انما رجع لحاجة أو مصلحة

Keharusan penarikan balik pemberian Hibah oleh bapa kepada anaknya adalah kerana penarikan itu sunyi dari tohmah, kerana pada sudut tabienya seorang bapa lebih mengutamakan kebajikan anaknya daripada kepentingan dirinya sendiri.

Maka pastilah (jazam) bahawa penarikan pemberian Hibah bapa kepada anaknya adalah kerana hajat atau kerana kemaslahatan.

عن النعمان بن بشير قال:

" تصدق علي أبي ببعض ماله فقالت أمي عمرة بنت رواحة لا أرضي حت تشهد رسول الله عليه وسلم فانطلق أبي إلى النبي صلى الله عليه وسلم ليشهده على صدقتي فقال له رسول الله صلى الله عليه وسلم أ فعلت هذا بولدك كلهم ؟ قال لا قال اتقوا الله واعدلوا في لأولادكم فرجع أبي فرد تلك الصدقه (1) .

5. Al-Nu'man bin Basyir r.a. meriwayatkan: *Bapaku memberi sedekah kepadaku sebahagian daripada hartanya. Lalu ibuku berkata: "Aku tidak suka dengan pemberian ini sehingga engkau persaksikan kepada Rasullullah s.a.w. terlebih dahulu. Lalu bapaku pergi memberitahu Rasullullah s.a.w. tentang sedekahnya kepadaku. Lalu Rasullullah s.a.w. bertanya: "Adakah engkau beri kepada semua anakmu pemberian seumpama itu". Jawabnya "Tidak". Sabda Rasullullah s.a.w. "Bertakwalah kepada Allah dan*

hendaklah berlaku adil terhadap anak-anakmu, lalu bapakmu mengambil balik pemberian itu”.

6. Menerusi hadith ini, Al-Nu'man Bin Basyir Al-Ansari Al-Khasraji melaporkan. Bapanya telah memberi hadiah kepadanya daripada sebahagian harta kepunyaannya, ibunya kurang berpuas hati dengan pemberian yang mengutamakan Al-Nu'man, sedangkan mereka mempunyai beberapa orang anak-anak selain Al-Nu'man. Pergilah Basyir untuk menemui Nabi dan seterusnya meminta persaksian benar atau pemberiannya itu, sebelum itu Nabi bertanya: “Adakah engkau memberi hadiah atau sesuatu pemberian yang sama kepada anak-anakmu yang lain?” Jawabnya: “Tidak”. Seterusnya Nabi menjelaskan, pemberian yang membeza-bezakan di antara anak-anak ini bertentangan dengan takwa dan satu tindakan zalim terhadap anak-anak.

Oleh itu, aku telah sedia memberi persaksian baik atas perbuatan ini, sambil menasihati Basyir samada menarik balik pemberian itu atau memberikan hadiah yang sama kepada anak-anaknya yang lain. Lalu Basyir akur dengan kesilapannya dan mengambil balik pemberiannya kepada Al-Nu'man.

7. Daripada hadith Nabi s.a.w. dan beberapa pandangan ulama' fiqh dapat disimpulkan bahawa seseorang ayah atau ibu berhak untuk menarik balik Hibahan yang telah dibuat: Penarik balik Hibah ini boleh dibuat samada kerana hajat atau kemaslahatan atau bagi mengujudkan keadilan terhadap anak-anaknya.
8. Jumhur fuqaha daripada mazhab Maliki, Shafi'i, Hambali dan Zahiri berpendapat bahawa bapa adalah diharuskan untuk menarik balik Hibah yang telah diberikan kepada anak dengan beberapa syarat tertentu. Samada tujuan penarikan balik tersebut adalah untuk memberi kesamarataan pemberian di kalangan anak-anak atau dengan tujuan-tujuan yang lain. Namun menurut mazhab Shafi'i, sekiranya pemberian tersebut telah diberikan secara adil kepada anak-anak dengan tiada apa-apa keuzuran yang menyebabkan bapa menarik balik Hibahnya, maka hukum bapa menarik balik Hibahnya adalah makruh.
9. Jumhur fuqaha mengharuskan penarikan balik Hibah bersandarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar:

10. ثنا حسين المعلم عن عمرو عن شعيب عن طاوس عن ابن عمر وابن عباس رضي الله عنهم عن النبي صلى الله عليه وسلم قال لا يحل للرجل أن يعطي عطيه أو يهب هبة فيرجع فيها إلا الوالد فيما يعطي ولده ومثل الذي يعطي العطيه ثم يرجع فيها كمثل الكاب يأكل فإذا شبع قاء ثم عاد في قيئه

Maksud:

Tidak halal bagi seseorang yang memberi pemberian atau Hibah menarik balik Hibahnya kecuali Hibah bapa kepada anaknya, dan diumpamakan orang menarik balik Hibahnya seperti anjing yang makan apabila telah kenyang dia memuntahkannya kemudian dia kembali memakan muntahnya. (Al-Hakim 1990, 2:53)

11. Mazhab Hanafi, al-Thawuri dan satu riwayat lain daripada Imam Ahmad berbeza pendapat dengan jumhur fuqaha dengan tidak mengharuskan penerikan balik Hibah bapa kepada anaknya. Mereka berhujah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

12. العائد في هبته كالكلب يقيء ثم يعود في قيئه

Terjemahan:

Orang yang menarik balik Hibahnya seperti anjing yang muntah kemudian memakan muntahnya kembali.

13. Saidina 'Umar pula telah berkata: *"Sesiapa menghibahkan sesuatu dengan tujuan untuk mengeratkan silaturrahim atau bertujuan untuk bersedekah maka tidak harus menarik balik Hibahnya"*

14. Dalam kes ini saya berpendapat bahawa seorang ayah atau bapa berhak untuk menarik balik pemberian Hibah ke atas anaknya. Ianya tertakluk kepada beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh ulama' fiqh. Antaranya ialah:

- i. Harta yang dihibahkan masih menjadi milik anak yang menerima Hibah. Sekiranya harta atau barang yang dihibah itu telah menjadi milik orang lain samada telah dijual, telah diwakafkan atau telah dihibahkan dan telah berlaku qabad maka bapa tidak harus menarik kembali Hibahnya. Ia merupakan syarat yang ditetapkan oleh mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali.
- ii. Harta atau barang yang dihibahkan masih berada di dalam jagaan atau urusan anak yang menerima Hibah. Sekiranya anak telah menggadaikan barang yang dihibahkan oleh bapanya ataupun di telah muflis dan ditegah daripada

menguruskan hartanya, maka bapa tidak boleh menarik balik Hibah tersebut bagi menjaga kepentingan pemiutang atau orang yang memegang barang gadaian tersebut. Namun sekiranya barang yang dicagarkan tadi telah menjadi milik anak yang menerima Hibah kerana telah diselesaikan hutangnya, maka bapa berhak menarik balik Hibah tersebut. Ia merupakan pendapat mazhab Hambali. Namun begitu, fuqaha mazhab Shafi'i tidak menjadikan gadaian dan pinjaman atas tanah yang dihibah sebagai halangan untuk bapa menarik balik Hibahnya. Ini adalah kerana barang yang dihibah masih di bawah penguasaan anak. Dikecualikan dalam masalah ini, sekiranya bapa telah gila, maka bapa atau walinya tidak boleh menarik balik Hibah yang telah diberikan kepada anak walaupun harta tersebut masih di bawah penguasaan anak kerana tidak sah penarikan balik ketika dalam keadaan gila sehinggalah di telah sihat.

- iii. Hibah yang diberikan bukan menjadi sebab orang menyukai anak yang menerima Hibah atau mendapat kedudukan dalam masyarakat. Sebagai contoh, disebabkan pemberian Hibah seorang bapa kepada anaknya masyarakat sekeliling

ingin bermuamalah, berhutang atau memberi hutang atau berkahwin dengan anak yang menerima Hibah tersebut. Dalam masalah ini, bapa tidak diharuskan menarik balik Hibah menurut mazhab Maliki dan juga menurut satu riwayat daripada Imam Ahmad kerana Hibah tersebut berkait dengan hak orang lain selain anak yang menerima Hibah. Penarikan balik Hibah tersebut akan mendatangkan kemudaratan ke atas orang lain dan ia dilarang dalam Islam sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.

15. عن عبادة بن صامت أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال لا ضرر ولا ضرار

16. (رواه الحاكم)

Terjemahan:

"Tidak boleh mudarat dan memudaratkan". (Al-Hakim 1990, 2:66)

17. Namun Imam Ahmad dalam riwayat lain berpendapat bahawa dalam situasi tersebut bapa diharuskan menarik balik Hibahnya berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

18. عن يزيد ومحمد بن جعفر عن حسين المعلم عنه عن طاوس عن بن عمر وابن عباس به لا يحل للرجل أن يعطي العطية ثم يرجع فيها إلا الوالد فيما يعطي ولده
19. (رواه بخاري ومسلم وأبو داود والترمذي)

Maksud:

Tidak halal bagi seseorang memberi sesuatu pemberian kemudian dia menarik balik pemberian tersebut kecuali apa yang diberi oleh bapa kepada anaknya. (Al-qazwini t.th.: 2:295)

- iv. Tidak berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan atau dipisahkan pada barang yang dihibah seperti lemak atau gemuk. Ia merupakan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad yang tidak mengharuskan bapa menarik balik Hibah daripada anaknya yang telah berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan. Menurut mazhab Maliki pertambahan atau pengurangan yang berlaku ke atas barang yang dihibahkan kepada anak dihalang daripada ditarik balik oleh bapa.

Namun terdapat riwayat lain daripada beliau dan juga pendapat mazhab Shafi'i yang mengharuskan bapa menarik balik Hibah jika berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan daripada barang yang dihibah. Begitu juga pertambahan yang boleh diasingkan atau dipisahkan daripada barang yang dihibah seperti buah-buahan dari kebun yang telah dihibah, bapa diharuskan menarik balik Hibahnya menurut mazhab Shafi'i.

- v. Tidak bertujuan untuk mendapat balasan atau ganjaran di akhirat atau untuk mengeratkan hubungan silaturahmi dan kasih sayang antara mereka menurut pendapat mazhab Maliki.

20. Berdasarkan kepada syarat-syarat tersebut saya mendapati bahawa penarikan Hibah tersebut telah menepati dengan kehendak Hukum Syarak.

21. Berdasarkan kepada beberapa pandangan ulama' mengenai penarik balik Hibah yang telah dibuat oleh bapa kepada anaknya dengan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak maka saya berpendapat bahawa bapa berhak menarik balik pemberian Hibah

tersebut. Ini adalah kerana seorang bapa beliau berpandangan jauh. Walaupun pada satu masa beliau telah menghibbahkan kesemua tanahnya kepada seorang anaknya sahaja. Namun begitu setelah tersedar maka ia berhak untuk menarik balik pemberian Hibah yang telah diberikan. Apatah lagi pemberian tersebut hanya diberikan kepada seorang sahaja. Sedangkan ianya mempunyai anak-anak yang lain. Anak-anak lain juga perlu diberikan hak yang sama. Oleh itu beliau berpendapat adalah tidak adil dan tidak patut hanya memberikan kepada seorang anaknya sahaja. Beliau berpendapat eloklah harta tersebut diberikann secara sama rata – sama adil – sama-sama merasai keadilan di antara satu sama lain. Inilah keadilan yang diajar oleh Nabi Muhammad S.A.W kepada umatnya. Inilah yang hendak dilaksanakan oleh Plaintiff. Defendan tidak perlu risau kerana ia juga mendapat habuan daripada penarikan balik Hibah ini.

22. Di dalam kes ini saya berpendapat bahawa seorang bapa berhak menarik balik Hibahan yang telah diberikan kepada anaknya. Apatah lagi tujuannya untuk membahagikan harta-harta tersebut dengan cara yang adil dan samarata kepada anaknya. Kalau dahulu ianya hanya membahagikan kepada seorang anak sahaja

tetapi sekarang ia mahu bahagikan harta-harta tersebut kepada kesemua anak. Jauh sekali untuk membeza-bezakan pembahagiannya.

23. Di dalam membuat penarik balik Hibah ini, harus diingat bahawa ia hendaklah memenuhi kehendak syarat sah penarikan Hibah tersebut. Di antara syarat sah penarikan balik Hibah tersebut adalah seperti berikut:

i. بقاء الموهوب في ملك الموهوب له

Barang yang telah di Hibahkan itu masih kekal dalam pemilikan penerima Hibah.

ii. ان لا يتعلق بالموهوب حق يمنع البيع

لو حجز على الموهوب له بالفلس فامتنع بيعه للموهوب ، فلا يجوز الرجوع ، إذ لم يبق على الموهوب

سلطة للواهب

Barang yang telah dihibahkan tidak terhalang daripada boleh dijual beli.

Maka tidak boleh menarik balik sesuatu Hibah yang ditahan daripada penerima Hibah disebabkan ia muflis, ini adalah kerana penerima Hibah tidak mempunyai kuasa terhadap harta Hibah yang telah disitakan itu.

iii. أن يكون الموهوب عينا

فلو وهبه ديناً كان عليه أو أبرأه منه ، فليس له الرجوع ، لأنه لا بقاء للدين بعد هبته ،

فأشبه ما لو وهبه شيئاً فتلف

Barang yang di Hibah itu hendaklah berbentuk benda yang boleh dilihat dengan pancaindera (عينا), maka jika pemiutang menghibahkan kepada penghutang akan hutang atau pemiutang telah mengibtrak (الإبراء) kan sesuatu daripadanya kepada penghutang maka ketika itu memberi Hibah tidak boleh menarik semula pemberian Hibahnya itu. Ini adalah kerana tidak dikira kekal hutang selepas pemiutang menghibahkan segala hutang kepada penghutang.

Hukum ini adalah sama seperti seseorang yang telah menghibahkan sesuatu barang kemudian barang tersebut telah binasa maka tidak boleh ketika itu menuntut semula Hibah yang telah diberikannya.

iv . أن يكون الرجوع منجزا ، فأُن كان معاقا على شيء لم يجز ، فلو قال : إذا جاء رأس الشهر فقد

رجعت : لم يصح رجوعه ، لأن الفسخ لا يقبل التعليق كالعقود

Rujuk daripada Hibah hendaklah tidak berkait dengan sesuatu iaitu hendaklah lafaz rujuk itu yang menunjukkan tindakan yang lulus (منجز), sekiranya rujuk itu lafaz yang berbentuk ta'lik (bergantung) dengan sesuatu maka hukumnya adalah tidak sah.

Seperti katanya: " Apabila tiba awal bulan maka aku tarik balik Hibah yang telah aku berikan".

Ini adalah kerana sesuatu "fasakh" tidak menerima ta'lik sepertimana akad-akad yang lain.

24. Setelah meneliti kesemua syarat sah penarikan Hibah yang telah diutarakan maka saya dapatnya ianya memenuhi kehendak syarat sah penarikan balik Hibah tersebut. Dengan ini saya berpendapat bahawa Plaintiff telah memenuhi kesemua syarat sah terhadap penarikan balik Hibahan yang telah dilakukan.
25. Maka disini timbul persoalan, adakah dalam kes ini Plaintiff telah melafazkan perkataan penarik balik Hibahan sepertimana yang dikehendaki didalam hukum syarak.

26. Didalam kitab "Fiqh al-Kitab wa as-Sunnah" karangan Dr. Amir Abdul Aziz, hlm. 1616 jld.3 cetakan Dar as-Salam Mesir ada menyebut:

يَحْصُلُ الرَّجُوعُ بِالْفَافِظِ صِرَاحٍ كَقَوْلِهِ

Sah rujuk daripada Hibah dengan lafaz yang soreh seperti kata pemberi Hibah:

رَجَعْتُ فِيْهَا وَهَبْتُ

Aku rujuk semula barang yang telah aku Hibahkan

أَوْ إِرْتَجَعْتُ

Aku tarik balik pemberian Hibahku

أَوْ إِسْتَرْدَدْتُ الْمَالَ ،

Aku tuntutan dikembalikan semula harta yang telah aku Hibahkan

أَوْ رَدَدْتَهُ إِلَى مَاكِي

Aku minta dikembalikan barang yang aku berikan kepada pemilikan aku

أَوْ أَبْطَلْتُ الْهَبَةَ

Aku batalkan pemberian Hibahku

أو فسختها

Aku fasakhkan Hibahku

Menurut kata Dr. Amir lagi..

ولو لم يأت بلفظ الرجوع

Lafaz-lafaz penarikan pemberian Hibah di atas adalah sah sekalipun tidak menyebut lafaz “rujuk”

ويحصل الرجوع بالكناية من الألفاظ مع الذية كقوله :

أخذته وقبضته

Sah rujuk Hibah dengan lafaz Kinayah dengan niat seperti kata pemberi Hibah:

“Aku ambil semula”, atau “Aku pegang semula”.

27. Di atas pandangan ulama’ fiqh dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sesuatu penarikan balik Hibah hendaklah mengandungi lafaz penarikan balik Hibah. Antaranya mesti menuturkan

perkataan seperti Aku minta kembali barang yang aku berikan kepada kamu Atau Aku ambil semula barang pemberian aku. Atau Aku tarik balik pemberian Hibahku. Atau aku tuntutan kembali harta yang telah aku Hibahkan.

28. Di dalam kes ini saya dapati pihak Plaintiff telah membuat Akuan Bersumpahnya pada 5 Februari 2007 seperti di Ekshibit P5 yang menyatakan seperti berikut:-

"Sekarang ini saya dengan penuh waras dan rela hati memohon kembali atau menarik balik hibbah terhadap semua tanah di atas, daripada XXXXXX".

29. Hajat Plaintiff untuk menarik balik ini telah disokong oleh keterangan SP1 iaitu XXXXXX, Pengurus Felda Tun Ghafar, Kemendor, Jasin, Melaka. Juga ianya disokong oleh SP2 iaitu XXXXXX, Tok Sidang Felda Tun Ghafar, Kemendor, Jasin, Melaka.

30. Di dalam kes ini juga saya dapati lafaz penarikan balik hibahan ini disokong melalui keterangan Plaintiff sendiri yang menyatakan seperti berikut:-

"Saya dengan penuh ikhlas dan rela hati menarik balik terhadap kesemua tanah yang diberikan secara hibbah kepada XXXXXX"

Keterangan ini disokong pula oleh pihak saksi Plaintiff pertama dan kedua sepertimana di dalam keterangan mereka di Mahkamah ini.

Keterangan saksi I menyatakan bahawa dia nak tarik balik semula kesemua tanah yang diberikan kepada anaknya. Dia telah membuat surat akuan untuk menarik balik pemberian tersebut. Saksi Plaintiff kedua menyatakan dia hendak membatalkan hibbah terhadap 3 lot tanah felda yang dibuat kepada anaknya.

31. Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX JH 11 /2 halaman 219** di mana Mahkamah memutuskan pemberian hibbah daripada seorang ayah kepada anaknya sahaja yang boleh ditarik balik.
32. Merujuk kepada kes **XXXXXX dan XXXXXX dan XXXXXX (sebagai wakil sah kepada XXXXXX) lwn XXXXXX dan XXXXXX.** Dalam kes tersebut sebidang tanah telah dipindahmilik kepada anak-anak secara pemberian hibbah.

Walaupun, Plaintiff telah menukar fikiran dan ingin menarik balik hibah tersebut bagi tujuan membahagikan tanah tersebut secara sama rata kepada ketujuh-tujuh orang anaknya. Plaintiff telah berjumpa dengan peguamnya untuk menyediakan perjanjian pemberian hibah secara adil dan ianya telah ditandatangani penerimaannya oleh kelima-lima anaknya kecuali dua orang Defendan. Oleh kerana kedua-dua Defendan tersebut ingkar untuk menyerahkan kembali tanah tersebut untuk dibahagikan bersama kelima-lima anaknya yang lain, Plaintiff telah memfailkan tindakan. Walaupun belum sempat kes tersebut diselesaikan, Plaintiff telah meninggal dunia dan tindakan diteruskan oleh dua orang anaknya.

Peguam Plaintiff berhujah bahawa permohonan Plaintiff adalah berasaskan kepada **Seksyen 340 (4) (b) Kanun Tanah Negara** yang menyatakan penamatan mana-mana hakmilik atau kepentingan dengan pelaksanaan undang-undang boleh menjadi pengecualian bagi prinsip ketakbolehsangkalan (indefeasibility of title) melalui pendaftaran yang memberikan hak milik atau kepentingan. "Pelaksanaan undang-undang" yang dirujuk bagi maksud pemakaian seksyen di dalam kes di atas ialah undang-undang Islam (mengenai penarikan balik hibah) boleh

digunakan bagi maksud ruang lingkup perkataan “ pelaksanaan undang-undang” di dalam Seksyen ini.

Mahkamah telah memutuskan bahawa maksud “ pelaksanaan undang-undang “ dalam pengecualian (4) (b) kepada Seksyen 340 Kanun Tanah Negara adalah amat luas skopnya iaitu meliputi dan merangkumi undang-undang adat (sepertimana di dalam kes *XXXXXX lwn XXXXXX [1991] 1 AMR 105*) dan undang-undang Islam (seperti di dalam kes *Re XXXXXX v XXXXXX [1982] 2 MLJ 264*).

Sehubungan dengan itu Mahkamah telah memerintahkan bahawa pindahmilik yang telah dibuat secara hibbah oleh Plaintiff kepada Defendan-Defendan hendaklah dibatalkan dan selanjutnya tanah yang dikembalikan kepada Plaintiff itu dipindahmilik secara hibbah kepada ketujuh-tujuh anak Plaintiff dengan adil dan sama rata.

33. Di dalam isu ini Mahkamah berpendapat bahawa hajat atau kehendak Plaintiff untuk menarik balik Hibah tersebut adalah dibuat oleh pihak Plaintiff sendiri. Ini dapat dilihat kepada kata-kata Plaintiff seperti di atas. Ini menggambarkan bahawa niat dan perlakuan Plaintiff datang ke Mahkamah membuktikan ia

berhajat bersungguh-sungguh untuk menarik balik pemberian Hibah tersebut.

34. Oleh yang demikian saya berpendapat bapa adalah berkeelayakan untuk menarik balik hibbah yang telah diberikan kepada anak-anaknya.

Isu Kedua:

Samada Hibah itu telah memenuhi rukun dan syarat sah Hibah tersebut atau telah memenuhi syarat qabad dan pertikaian mengenainya.

1. Di dalam keterangan Plaintiff dan Defendan saya mendapati bahawa kesemua rukun-rukun Hibah telah dipenuhi oleh pihak Plaintiff dan Defendan. Pihak Peguam Defendan dalam hujah balasnya tidak menafikan atau mempertikaikan terhadap rukun-rukun Hibah. Ini adalah kerana ia telah memenuhi kehendak rukun-rukun Hibah iaitu seperti berikut :
 - i. Pihak-pihak yang melakukan akad Hibah iaitu terdiri dari Pemberi Hibah dan Penerima Hibah.
 - ii. Sighah akad melalui ijab dan qabul.

- iii. Barang yang dihibahkan.
2. Oleh kerana di dalam rukun-rukun Hibah ini tidak dipertikai oleh mana-mana pihak, maka saya tidak bermaksud mahu menghuraikan secara terperinci. Ini adakah kerana mereka telah bersetuju bahawa kesemua rukun-rukun telah dipenuhi mengikut kehendak undang-undang dan hukum syarak.
3. Di dalam keterangan Plaintiff dan Defendan saya dapati mereka telah tidak mempertikaikan mengenai kesemua syarat sah Hibah tersebut; kecuali mengenai syarat sah qabad sahaja. Ini bermakna kesemua syarat-syarat sah Hibah telah dipenuhi oleh pihak yang terlibat kecuali satu syarat sah mengenai qabad sahaja.
4. Pemakaian istilah *Al-Qabadh* yang membawa maksud “menguasai” ke atas subjek yang dihibahkan perlu diteliti dengan sewajarnya oleh Mahkamah Yang Mulia ini. Mengikut pendapat Abu Hanifah, Syafie dan Thauri, menguasai ke atas subjek yang diberikan (al-mauhub) adalah menjadi syarat utama dalam kes Hibah. Sekiranya *Al-Qabadh* itu tidak berlaku ketika

penyerahan subjek (al-mauhub) sehingga ditakdirkan berlaku kematian salah seorang semasa pemberi atau penerima maka Hibah itu terbatal dengan sendiri. Maka, di dalam kes ini *Al-Qabadh* atau penguasaan itu berada di tangan XXXXXX berdasarkan pindahmilik nama yang telah dilakukan oleh pihak Defendan.

5. Merujuk kepada kitab al-Mu'amalat al-Maliyah al-Ma'asarah oleh Dr. Wahbah Al-Zuhaily yang menyatakan:

"Penerimaan ke atas harta Hibah boleh berlaku kepada jenis barang yang dihibahkan itu samada barang Hibah itu merupakan harta tidak alih ataupun harta alih".

6. Penerimaan oleh penerima Hibah (al-mauhub lahu) bagi harta tidak alih adalah dikira dengan cara pemberi Hibah (wahib) membiarkan harta yang dihibahkannya itu digunakan oleh penerima Hibah, untuk mendapatkan manfaat dari harta tersebut. Contohnya seperti penerima Hibah bertanam di atas tanah yang dihibahkan atau penerima Hibah membuat binaan di atas tanah

yang dihibahkan itu, atau penerima Hibah mengutip buah-buahan yang ada di atas tanah itu”.

7. Jika merujuk kepada petikan tersebut jelas menyatakan bahawa penerima Hibah adalah berkuasa penuh ke atas harta yang telah dihibahkan. Namun, apa yang dikesali adalah Defendan selaku penerima Hibah telah tidak memperolehi sedikitpun daripada hasil tanah yang dikatakan telah dihibah kepada Defendan.
8. Mengikut buku **Konsep Harta menurut Islam, Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia oleh Ahmad Mohamed Ibrahim, IKIM:**

"Pemilikan Tidak Sempurna iaitu harta yang dimiliki oleh seseorang sedangkan ia tidak memiliki manfaatnya, atau hanya manfaat harta yang dimiliki oleh seseorang bukan harta. Dengan kata lain pemilikan harta berada pada tangan seseorang manakala hak milik manfaatnya berada pada tangan seseorang lain. Ini bermakna dua hak berada ditangan dua orang yang berlainan".

9. Justeru itu, menurut kenyataan yang diberikan oleh Defendan ketika sesi perbicaraan diadakan, beliau menyatakan bahawa **Defendan tidak mengambil sedikitpun hasil dari tanah-tanah tersebut malahan Defendan mengetahui Plaintiff mengambil hasil dari tanah tersebut sebagai tanda sumbangan kasih sayang anak kepada bapa.**
10. Untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan maka saya ingin menarik perhatian bahawa kedua-dua pihak didalam kes ini telah bersetuju memberi dan menerima Hibah. Hibah yang telah dibuat adalah melalui Borang 14A. Di sini saya paparkan kata-kata yang telah dilafazkan oleh bapa kandung, XXXXXX didalam Borang 14A adalah seperti berikut:

"Saya XXXXXX No. K/P: 31XXXX-04-XXXX
warganegara Malaysia beralamat di
..... tuan punya tanah (bahagian
yang tidak dipecahkan atas tanah yang
diperintahkan dalam jadual dibawah ini:

(c) Dengan tiada apa-apa balasan **PEMBERIAN
KASIH SAYANG"**

Dengan ini memindahkan kepada penerima pindahan yang tersebut namanya dibawah ini. Segala pindahmilik atau kepentingan sebagaimana yang ada pada saya.

Cop jari bertarikh pada 29 November 2002 telah disempurnakan oleh Plaintiff sebagaimana di dalam borang Kanun Tanah Negara Borang 14A.

11. Manakala Defendan telah melafazkan menerima pemberian Hibah seperti berikut:

"Saya XXXXXX K/P: 49XXXX-04-XXXX warganegara Malaysia beralamat di 116, FELDA BUKIT SENGGEH, NYALAS 77100 ASAHAN, JASIN, MELAKA menerima pindah milik ini.

Defendan telah menurunkan cap jari sebagai tanda menerima pemberian Hibah tersebut".

12. Di dalam borang tersebut telah jelas menunjukkan kedua belah pihak telah bersetuju memberi dan menerima Hibahan tersebut. Dimana pihak Plaintiff sebagai pemberi Hibah telah menurunkan

cop jari kanannya dan Defendan pula menerima dengan menurunkan cop jari kanannya di dalam Borang 14A (Borang Kanun Tanah Negara).

13. Di dalam Borang 14A tersebut telah ternyata berlaku lafaz ijab dan qabul diantara Plaintiff dan Defendan. Plaintiff seterusnya bersetuju menyerahkan ketiga-tiga bahagian tanah Felda kepada Defendan. Manakala Defendan bersetuju menerima pemberian yang telah diberikan. Hibahan tersebut bertambah kukuh lagi apabila DO telah menyaksikan dan menandatangani sepertimana yang tetera di dalam Borang 14A.

14. Apabila berlaku keadaan demikian maka saya berpendapat bahawa sahlah Hibahan tersebut. Ini adalah kerana di dalam kes ini saya dapati pihak Defendan yang telah menerima Hibah tersebut telah bertindak membuat pindahmilik dan meletak hak ke atas ketiga-tiga geran tanah Felda tersebut kepadanya. Ini menunjukkan bahawa telah berlaku pindahmilik ketiga-tiga tanah tersebut kepada Defendan. Apabila telah sempurna pindahmilik tersebut maka ianya bererti telah menjadi milik penuh kepada Defendan. Maka ini bererti tidak ada seorang pun yang boleh mengganggu gugat kedudukan dan kepentingan

material Defendan di atas tanah tersebut. Ia bebas menguruskan haknya kerana semuanya tanah telah menjadi hakmiliknya. Apatah lagi semua geran-geran ketiga tanah Felda tersebut berada ditangannya.

15. Di dalam isu ini Mahkamah berpendapat bahawa tindakan penawaran dan penerimaan di antara Plaintiff dan Defendan adalah diiktiraf sebagai qabad. Ini bererti qabad telah berlaku.

16. Ini dibuktikan melalui penerimaan Defendan terhadap harta yang telah dihibahkan. Ianya diikuti pula oleh penukaran nama kepada Defendan serta kesemua geran-geran tanah tersebut dipegang dan dimiliki oleh Defendan. Mengikut Dr. Syaiyyid Ahmad Amir didalam kitabnya *عقد البيع في الفقه الإسلامي* hlm. 195 ada menyebutkan bahawa:

أخذ المال وحيازته بسبب مشروع

Yang bererti mengambil harta serta menguasainya dengan cara yang dibenarkan oleh syarak.

17. Menurut kitab 'al-Feqh al-Manhaji hlm. 16, Jld.3 telah mentakrifkan qabad sebagai:

وإما بالنقل إذا كان لا يتناول باليد كالسيارة والدابة وما إلى ذلك

Jika barang tersebut tidak boleh diambil dengan tangan seperti kereta, haiwan atau sebagainya qabadnya (penerimaannya) boleh dilakukan dengan cara memindahkan barang tersebut

"وأما غير المنقول : كالدار والأرض فقبضه بالتخلية بينه وبين المشتري وتمكينه منه ، وإزالة الموانع من تسلمه ، وتسليم مفتاحه إن كان دارا ونحوه "

Yang bermaksud "Bagi barang yang tidak boleh alih seperti rumah atau tanah, qabad (penerimaannya) boleh berlaku dengan cara penjual melepaskan haknya kepada pembeli atau pembeli menguasai barang tersebut dan berbuat apa sahaja aktiviti yang ingin dijalankan atau penjual mengenenipkan sebarang bentuk halangan dalam proses penyerahannya atau dengan cara menyerahkan kunci jika sekiranya barang tersebut adalah seperti rumah atau sebagainya.

18. Di dalam kitab Buyuu' 1l-Syarii'ah (البيوع الشائعة) karangan Dr. Taufiq Ramadhan al-Butty, hlm. 75 ada menyebutkan:

أما العقارات : فقد إتفق العلماء إجمالاً على أن قبضها يكون بالتخلية وتمكين اليد من التصرف ، وقد ذهب الشافعية إلى اعتبار تسليم المفتاح مثلاً ، وذرع الأرض إن كان التقدير معتبراً من مستأزمات التخلية وغلتمكين من التصرف .

Harta tak alih: Telah sepakat pada Ulama feqh bahawa sesungguhnya qabad boleh berlaku secara (التخلية) iaitu dengan cara memberi keizinan kepada (pembeli atau penerima Hibah) untuk mengambil barang tanpa sebarang halangan dan membolehkan pembeli (penerima Hibah) menguasai barang tersebut dan berbuat apa sahaja aktiviti yang ingin dijalankannya tanpa sebarang halangan.

19. Daripada beberapa pandangan ulamak tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa qabad boleh berlaku apabila pihak-pihak yang terlibat memberi keizinan untuk menggunakan harta tersebut tanpa ada apa-apa halangan daripada pihak yang terlibat. Qabad boleh berlaku apabila penerima menguasai harta atau memindah milik harta Hibah tersebut. Qabad boleh berlaku juga apabila ia bebas untuk menjalankan apa-apa aktiviti terhadap tanah Hibahan itu.

20. Di dalam kes ini saya mengkategorikan pemberian dan penerima Hibah yang telah dibuat dan dilaksanakan oleh Plaintiff dan Defendan sebagai satu qabad. Ini adalah kerana pihak Defendan telah menerima harta tersebut dengan memindah milik dan meletak hak ke atas nama Defendan ke atas semua harta tanah Felda itu. Seterusnya Defendan telah memegang, memiliki dan menyimpan geran tanah didalam gengamannya. Maka ini bererti ia telah menguasai dan memiliki sepenuhnya terhadap harta tersebut. Ini bermakna juga ia boleh mengurus dan mentadbir dan mengambil hasilnya daripada tanah Felda tersebut. Ia juga boleh mengambil dan memberi kepada orang lain, terpuang kepada tindakannya samada mahu atau tidak untuk mengambil hasil daripada tanah tersebut. Ia berhak melakukannya, itulah haknya.

21. Maka tidak ada timbul persoalan di sini mengenai dakwaan Defendan mengatakan manfaat ke atas harta tersebut tidak diperolehi sedikit pun daripada hasil tanah yang dihibahkan kepada Defendan. Sebab itu saya katakan daripada awal lagi bahawa Defendan berhak dan bebas mentadbir dan menguruskan harta itu termasuklah mengambil manfaat daripadanya. Maka di dalam kes ini, adakah ianya menimbulkan isu

bahawa Plaintiff menjadi penghalang kepada Defendan untuk mengambil hasil tanah Felda tersebut. Saya dapati dalam semua keterangan yang diberikan secara material menunjukkan bahawa tidak ada apa-apa halangan yang diwujudkan oleh Plaintiff untuk menghalang Defendan daripada mengambil hasil tanaman Felda itu. Cuma saya melihat sikap Defendan sendiri yang bertolak ansur membiarkan Plaintiff mengambil hasil dari tanah tersebut sebagai tanda sumbangan kasih sayang anak kepada bapa. Ia juga sebagai mengenang budi seorang bapa yang telah memberikan kesemua tanah itu kepada Defendan. Biarlah bapa mengambil hasil tanah tersebut selagi mana bapa masih hidup itulah tanggapannya.

22. Dalam kes ini saya berpendapat bahawa Defendan boleh bertindak menghalang Plaintiff daripada mengambil hasil daripada tanaman yang sudah sedia ada. Ini adalah kerana Defendan mempunyai kuasa mutlak ke atas harta itu. Ini menunjukkan bahawa Defendan telah merela menyerahkan hasil tanaman itu kepada Plaintiff demi mengenang jasa pengorbanan ayah menyerahkan harta tersebut kepada Defendan. Dalam kes ini saya dapati Defendan mengakui tindakannya. Apa yang berlaku dalam kes ini ialah qabad telah berlaku diantara Plaintiff dan

Defendan. Apabila berlaku qabad maka ianya bermakna telah sempurnalah syarat sah Hibah. Apabila qabad telah sempurna maka ia bererti telah sahlah pemberian Hibah tersebut.

23. Mengikut Imam a-Thawri, Abu Hanifah, al-Shafie dan satu riwayat daripada Imam Ahmad berpendapat qabad ialah syarat luzum atau syarat sah Hibah. Akad Hibah tidak akan berkuatkuasa melainkan dengan adanya ijab dan qabul serta qabad.
24. Menurut al-Mawardi sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn Qudanah bahawa Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali r.a. telah bersepakat bahawa Hibah tidak diharuskan kecuali dengan ada qabad.
25. Para sahabat Rasulullah s.a.w. telah berijmak tentang disyaratkan qabad dalam akad Hibah dan tiada seorang sahabat pun membantah. Ini menunjukkan bahawa dalam kes ini penyerahan dan pemberian Hibah dan penerima menerima Hibah telah menyempurnakan qabad.
26. Saya juga mendapati penerimaan Hibah oleh Defendan telah memenuhi syarat sah *qabd* sepertimana yang dikehendaki iaitu seperti berikut:

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- i. Mendapat keizinan dan kebenaran pemberi Hibah. Pemberi Hibah mempunyai pilihan sebelum barang yang dihibahkan itu di *qabad* samada mengizinkan untuk di *qabad* atau menarik balik Hibah dan menghalangnya daripada di *qabad* oleh penerima. Keizinan tersebut tidak hanya sah dengan lafaz izin sahaja bahkan ia juga sah dengan perbuatan yang menunjukkan tanda keizinan samada dengan kehadiran pemberi Hibah atau sebaliknya. Menurut satu riwayat daripada Imam Abu Hanifah, sah *qabad* ketika majlis akad walaupun tidak mendapat keizinan pemberi Hibah kerana akad Hibah itu sendiri merupakan satu bentuk keizinan untuk *qabad* dan ia menjadi bukti reda pemberi Hibah ke atas *qabad*.

Manakala menurut mazhab Shafi'e dan Hambali, tidak sah *qabad* tanpa izin pemberi Hibah samada ketika atau selepas majlis akad kerana akad Hibah bukanlah satu bentuk keizinan untuk *qabad* bahkan perlu kepada keizinan daripada pemberi Hibah untuk menyerahkan harta yang dihibahkan.

- Mazhab Shafi'i mensyaratkan keizinan yang diberikan hendaklah secara jelas atau pemberi Hibah sendiri menyerahkan dengan tangannya kepada penerima. Namun mazhab Maliki tidak mensyaratkan keizinan pemberi Hibah sebagai syarat sah *qabad*.
- ii. Harta yang dihibah tidak bercampur atau tidak berkait dengan harta lain yang tidak dihibah. Ini kerana, *qabad* bermaksud membolehkan penerima Hibah bertasarruf dengan harta yang dihibah tanpa ada sesuatu yang boleh menghalangnya.
 - iii. Penerima Hibah berkeahlian untuk menerima milik harta iaitu baligh dan berakal. Oleh itu tidak sah *qabad* daripada seseorang yang gila atau kurang akalnya dan daripada kanak-kanak yang belum baligh walaupun telah mumayyiz.
27. Oleh yang demikian, saya berpendapat di dalam kes ini elemen *qabad* telah dipenuhi kerana pindahmilik telah dibuat secara sah dan tiada bantahan ketika itu oleh Plaintiff.

ISU TERAKHIR

**Samada Undang-Undang Kanun Tanah Negara
Membenarkan Pertukaran Semula Terhadap Tanah Yang
Dipindahkan Kepada Defendan**

1. Setelah Mahkamah berpendapat bahawa seorang bapa boleh menarik balik pemberian Hibah kepada anaknya, maka adakah persoalan ini menimbulkan isu persoalan undang-undang. Iaitu adakah Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan harta tersebut dikembalikan kepada bapa setelah kesemua tanah tersebut telah ditukar kepada nama anaknya.
2. Sepintas lalu Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan dan memutuskan kes Hibah tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada **Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002.**

Mengikut Seksyen 49 Enakmen tersebut (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:

(b) Dalam bidang kuasa Malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan

atau prosiding itu adalah berhubung dengan (vi) Hibah semasa hidup.

Berdasarkan kepada peruntukan tersebut Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini di Mahkamah Syariah.

3. Timbul persoalan mengenai isu apabila harta-harta tersebut telah dipindahmilik dan diletakkan penama kepada Defendan adakah ianya dibolehkan untuk menukarnya kembali kepada nama Plaintiff.
4. Dalam soal isu ini, Mahkamah berpendapat apabila Mahkamah Syariah memutuskan dengan memerintahkan semua harta tersebut dikembalikan dan dipindahmilik kepada Plaintiff semula maka pihak-pihak yang berwajib atau berkuasa hendaklah mematuhi perintah ini. Ini adalah selaras dengan kuasa undang-undang yang diberi oleh **Seksyen 421A, Undang-undang Kanun Tanah Negara** yang memperuntukkan bahawa Mahkamah termasuk Mahkamah Syariah.

Ini bermakna bahawa Mahkamah Tinggi Syariah diberikuasa untuk memerintahkan mana-mana Pentadbir Tanah Seluruh Malaysia melaksanakan apa-apa yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Melaka ini.

5. Perintah ini juga adalah berdasar kepada **Seksyen 417 (1) (2) Undang-Undang Kanun Tanah Negara** yang juga diberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk memerintah mana-mana pihak untuk melaksanakan perintah tersebut. Mengikut **Seksyen 417 Undang-Undang Kanun Tanah Negara** telah memperuntukkan seperti berikut:

417 Wibawa Am Mahkamah:

- (1) Mahkamah atau Hakim boleh dengan perintah mengarahkan pendaftar atau mana-mana pentadbir tanah untuk melakukan segala apa benda seperti yang perlu untuk memberi kuat kuasa kepada apa-apa hukuman atau perintah yang diberi atau dibuat dalam mana-mana perbicaraan berkaitan dengan mana-mana tanah dan ia hendaklah merupakan*

kewajiban Pendaftar atau Pentadbir Tanah untuk mematuhi perintah itu selepas itu.

(2) Jika menurut apa-apa perintah yang dibuat oleh sebab seksyen ini, Pendaftar atau mana-mana Pentadbir Tanah:

(a) Membatalkan apa-apa instrumen yang berkaitan dengan tanah atau apa-apa ingatan atau permasukan lain di atas mana-mana instrumen sedemikian atau membuat apa-apa pindaan lain, atau tambahan kepada mana-mana instrumen sedemikian.

Maka ia hendaklah mencatatkan di atasnya sebab bagi pembatalan, pindaan atau tambahan itu dan tarikh baginya dan hendaklah mengesahkan instrumen itu dengan menandatangani dan memetrikannya.

6. Jika diteliti kepada undang-undang tersebut menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah telah diberikuasa untuk melaksanakan perintahnya dan mengarahkan kepada mana-mana Pentadbir

Tanah di seluruh Malaysia untuk memindahmilik dan meletakhak terhadap mana-mana harta di seluruh Malaysia kepada individu yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.

7. Di dalam kes ini, tanah tersebut telah dihibbahkan kepada Defendan dan telah dipindahmilik ke atas nama Defendan. Ia telah menjadi pemilik kepada tanah-tanah Felda tersebut. Timbulnya persoalan di sini adakah pemilikan tanah tersebut boleh dipinda atau ditukar, kerana pemilikan itu boleh dikategorikan sebagai ketidakbolehsangkalan hak milik. Dalam isu ini saya ingin merujuk kepada Seksyen 340 Kanun Tanah Negara.
8. Seksyen 340 memperuntukkan bahawa pendaftaran sesuatu urusaniaga membawa satu hakmilik itu kepada keadaan ketidakboleh disangkal hak milik atau kepentingan di dalam tanah kecuali keadaan-keadaan di bawah s (2) dari itu.
9. Namun didalam kes ini terdapat pengecualian sepertimana yang diperuntukkan didalam Seksyen 340 (4) (b), yang memperuntukkan bahawa :-

(4) Nothing in this section shall prejudice or prevent -

(a) the exercise in respect of any land or interest of any power of forfeiture or sale conferred by this Act or any other written law for the time being in force, or any power of avoidance conferred by any such law; or

(b) the determination of any title or interest by operation of law

10. *Operation of law* yang dimaksudkan di atas adalah pemakaian undang-undang dan sepertimana yang dinyatakan di dalam **XXXXXX** bahawa permohonan untuk menarik hibah juga adalah diberi pengecualian kepada konsep ketidaksbolehsangkalan tersebut.

11. Mengikut **Pekeliling 2/2003 dan Pekeliling 1/2004** **Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan** yang telah dikeluarkan oleh pihak Felda Pusat ada menyatakan bahawa peneroka berhak memberikan kepada mereka yang ia suka, termasuk isterinya, atau anaknya atau waris kadim.

12. Pemberian tersebut adalah dengan bersyarat bahawa ia hanya boleh menamakan dua (2) orang sahaja di dalam geran tanah

tersebut. Ini adalah selaras dengan **Seksyen 14(2) Akta Tanah Berkelompok 1960**. Oleh itu peneroka Felda tidak dibenarkan menamakan tiga orang, empat orang atau ke atas di dalam geran tanah Felda tersebut.

13. Mengikut keterangan pegawai Felda berkenaan bahawa pihak Felda sentiasa menerima apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah. Ini termasuklah menamakan dua (2) orang sahaja sepertimana yang ditetapkan oleh Undang-undang dan Pekeliling Felda.

14. **Seksyen 15 (2B) Akta Tanah Berkelompok 1960** juga telah memperuntukkan bahawa tanah rancangan felda boleh diperolehi melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam yang terpakai di negeri. Ini bermakna jika Mahkamah Syariah memerintahkan tanah felda tersebut perlu dipindahmilik atau membatalkan oleh mana-mana pihak, perintah tersebut boleh diterima pakai untuk mengefekkan pindahmilik atau pembatalan tersebut.

15. Di dalam kes ini saya dapati pihak Plaintiff mempunyai lima (5) orang anak. Bagaimana boleh lima nama tersebut dimasukkan ke dalam geran tersebut. Ini bercanggah dengan **Seksyen 14(2)**

Akta Tanah Berkelompok 1960 tersebut yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Felda.

16. Untuk mengatasi masalah ini saya mencadangkan supaya Plaintiff boleh menamakan mana-mana dua (2) orang anaknya ke dalam geran tersebut dengan bertindak sebagai pemegang amanah kepada waris-waris yang lain. Maka apabila pihak Felda membahagikan hasil mahsul tersebut maka ahli-ahli waris yang dinamakan di dalam geran tersebut hendaklah membahagikan hasil itu dengan adil dan sama rata kepada anak-anak yang tidak dinamakan di dalam geran tersebut.
17. Atau saya mencadangkan supaya nama anak-anak yang lain yang tidak dinamakan didalam geran tersebut dicatat di dalam fail pentadbiran Felda, sebagai waris-waris yang berhak ke atas harta dan hasil-mahsul ketiga-tiga tanah Felda berkenaan.
18. Di atas keterangan yang diberikan serta hujahan Peguam Syarie Plaintiff dan Defendan yang bijaksana saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua peguam kerana membantu Mahkamah dalam membuat penghakiman bahawa Plaintiff berhak menarik balik dan membatalkan Hibah mengikut kehendak Hukum Syarak dan Undang-Undang.

19. Setelah membaca, mendengar dan meneliti hujahan kedua-dua belah pihak serta meneliti dokumen-dokumen serta ekshibit yang dilampirkan, maka dengan ini saya membuat keputusan seperti berikut:-

PERINTAH

11. Mahkamah mengsabiti dan mengistiharkan bahawa Plaintiff berhak menarik balik dan membatalkan hibah terhadap harta yang diberikan kepada Defendan di tiga (3) lot tanah Felda yang dikenali sebagai Pajakan Mukim 276 Lot 1138; Pajakan Mukim 272 Lot 1057, dan Pajakan Mukim 282 Lot 1323 di mana kesemuanya di Mukim Selandar, Jasin, Melaka pada 17.1.2003 (selepas ini dirujuk sebagai “ ***ketiga-tiga tanah felda tersebut***”);

12. Mahkamah perintahkan ketiga-tiga tanah felda tersebut hendaklah diletakhak nama kembali kepada Plaintiff dan Mahkamah perintahkan Defendan untuk menyerahkan kesemua geran ketiga-tiga tanah felda tersebut kepada Plaintiff untuk urusan perletakan hak nama kepada Plaintiff;

13. Mahkamah perintahkan Pentadbir Tanah Jasin, Melaka untuk mendaftarkan dan memindahmilik ketiga-tiga tanah felda tersebut kepada Plaintiff;

14. Mahkamah perintahkan Pentadbir Tanah Jasin, Melaka untuk membatalkan Kaveat Persendirian yang telah dimasuki oleh Plaintiff pada 6.2.2007 di atas Kaveat No. Perserahan 110/2007 ke atas ketiga-tiga tanah felda tersebut;

15. Mahkamah perintahkan Pentadbir Tanah Jasin, Melaka untuk membatalkan Kaveat Persendirian yang telah dimasuki oleh XXXXXX pada 4.1.2012 di atas Kaveat No. Perserahan 2/2012 ke atas ketiga-tiga tanah felda tersebut;

16. Mahkamah perintahkan Plaintiff hendaklah membahagikan hasil ketiga-tiga tanah felda tersebut kepada kesemua anak-anak yang bernama seperti berikut:-

f) XXXXXX (No. K/P: 49XXXX-04-XXXX);

g) XXXXXX (NO. K/P: 50XXXX-04-XXXX);

h) XXXXXX (No. K/P: 55XXXX-04-XXXX);

i) XXXXXX (NO. K/P: 58XXXX-04-XXXX); dan

j) XXXXXX (NO. K/P: XXXX-04-XXXX).

dengan cara adil dan saksama berkuatkuasa pada bulan_____;

17. Mahkamah perintahkan Plaintiff hendaklah membayar kos urusan pendaftaran hibah ketiga-tiga tanah felda tersebut yang telah dibuat pada 17.1.2003 kepada Defendan ;

18. Mahkamah perintahkan Plaintiff hendaklah membayar cukai-cukai yang telah dibayar oleh pihak Defendan selepas ketiga-tiga tanah felda tersebut dipindahmilik kepada Defendan pada 17.1.2003;

19. Kos ditanggung oleh pihak-pihak; dan

20. Perintah ini berkuatkuasa serta merta.